

TERAS

<http://www3.utem.edu.my/pendaftar/teras>



**PENGANUGERAHAN
Watikah Autonomi UTeM**

**Pelantikan Pengurusan
Kanan UTeM**

**Pejabat Pendaftar
PERSIJILAN SEMULA
MS ISO 9001:2008**

**Bicara Tahun Baru
Pendaftar**

**MISI KEMANUSIAAN
Mangsa Banjir
Pantai Timur**

PESUMA

**KONVENSYEN
KIK UTeM
2014**

SIDANG REDAKSI

Penaung

Datuk Hasan bin Sirun

Penasihat

Wahi bin Nordin

Ketua Editor

Noorazilah binti Mohamed

Sidang Redaksi

Hazrin binti Kasim
Norsuria binti Azis
Faridah binti Ahmad
Noralisa binti Ramlee
Siti Salwah binti Ahmad
Muhamad Hazrul bin Md Esa

Pembaca Pruf

Nurhayati binti Mohd Shariff

Jurugambar

Asri bin Abu
Nurulidayu binti Talib
Mohd Farid bin Supangi
Anuarudin bin Md Soom
Mohd Zarizan bin Zakaria
Ahmad Fitri bin Abu Bakar
Md Nor bin Mohamad Saleh

Penulis/Wartawan

Profesor Dr. Md Razali bin Ayob
Nur Fazilah binti Mohd Kassim
Muhamad Hazrul bin Md Esa
Norma Hayati binti Hashim
Noorazilah binti Mohamed
Norhafizah binti Md Yusoh
Mohd Hairull bin Abdolah
Akmal bin Abdul Manap
Noor Izwanni binti Amil
Ratnasaerah binti Azis
Hairulizan binti Yacob
Norsuria binti Azis
Hazrin binti Kasim
Azrina binti Alwi

Reka Bentuk

Ratnasaerah binti Azis



EDITORIAL

*Assalamualaikum Warahmatullahi Taala
Wabarakatuh
Salah Sejahtera, Salam Satu Malaysia*

**Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri
Bandar Teknologi Hijau, Melaka 752 tahun,
Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Cepat, Tepat.**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan hanya buat Allah yang Maha Berkuasa bagi tiap-tiap sesuatu, juga selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., contoh kepimpinan terbaik.

Selamat tinggal 2014, dan selamat datang 2015!

Majalah TERAS telah mengharungi pelbagai transformasi dan revolusi saban tahun bagi membawa TERAS ke arah yang lebih terkini, telus dan tuntas sejajar dengan peredaran zaman yang memacu ke era teknologi maklumat.

Kini TERAS boleh dilayari secara online atau atas talian untuk tatapan pembaca sekaligus membawa pembaca ke dimensi baru yang lebih interaktif dalam pembacaan majalah.

Ibarat usia mematangkan minda, TERAS diterbitkan pada Jun 2007 merupakan majalah Pejabat Pendaftar yang berkonsepkan penyaluran maklumat dan informasi berhubung pengurusan sumber manusia dan perkhidmatan di Pejabat Pendaftar yang menjadi tunggak utama dalam pentadbiran Universiti.

Edisi ke 21 Buletin TERAS memaparkan pelbagai topik menerusi Aktiviti, Info, Motivasi dan Galeri sememangnya majalah untuk warga UTeM.

Kepada semua pembaca yang dikasihi, selamat membaca, salam ceria dan jumpa lagi di edisi seterusnya!

Wassalam

...Noorazilah Mohamed

Bicara Tahun Baharu 2015 Pendaftar

*Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha
Pengasih*

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera & Salam Satu Malaysia*

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin serta limpah rahmat-Nya, kita masih terus berkhidmat kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang tercinta ini.

Rasanya belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2015 khususnya kepada pembaca TERAS dan warga UTeM amnya.

Sempena tahun baharu 2015 ini, marilah kita bersamasama sebagai satu keluarga besar UTeM menyambut kehadiran tahun 2015 dengan mengukuhkan azam kita untuk terus bekerja dengan lebih gigih bagi menjadikan UTeM sebagai universiti terkemuka di dunia yang lebih kompetitif dan berdaya saing dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pekerja dan juga khalifah di muka bumi ini.

Semoga tahun ini kita dapat menggandakan momentum dan kekuatan untuk terus membina UTeM pada tahap yang lebih tinggi dan terkehadapan.

Sebelum saya meneruskan bicara, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Siding Redaksi TERAS kerana memberi peluang kepada saya untuk menulis sepatah dua kata.

Masa berlalu begitu pantas dan tahun 2014 telah digantikan dengan 2015. Lazimnya, apabila awal tahun baharu, maka kita akan membuat azam yang baharu. Pelbagai janji akan dibuat pada diri. Pelbagai perkara akan disenaraikan untuk dilakukan menjelang tahun baharu. Antaranya kita berazam bahawa dalam tahun yang akan datang:-

Kita **tidak akan ulangi apa yang tidak elok** yang telah diamalkan atau dilakukan dalam tahun sebelumnya.

Kita akan **memperbaiki gaya hidup**, contohnya, akan mengamalkan gaya hidup sihat, mengelak makanan yang memudaratkan, melakukan senaman atau mengamalkan berjalan kaki dan sebagainya.



Berbagai lagi azam yang dijanjikan akan dilakukan dalam setahun yang akan datang. Semuanya yang lebih baik daripada tahun sebelumnya.

Mungkin azam yang realistik ialah berjanji pada diri untuk melakukan apa yang termampu sahaja dengan meletakkan jangka masa pelaksanaan yang munasabah dan berazam untuk memastikan setiap azam ditunaikan.

Begitu juga mereka yang telah diamanahkan dengan jawatan dan kuasa dalam pelbagai bidang, wajar membuat azam untuk tidak mengabaikan tanggungjawab masing-masing dan berpegang teguh kepada khidmat dengan beramanah, berintegriti dan dengan akauntabiliti menunaikan harapan mereka yang dipimpin, serta menyetepikan kepentingan diri dengan meletakkan kepentingan universiti mengatasi segala-galanya.

Sayidina Ali menyatakan

Kalau engkau ingin menjadi raja, maka pakailah sifat qona'ah (puas). Kalau engkau ingin syurga dunia sebelum syurga akhirat, pakailah budi pekerja yang mulia

Marilah kita memperbetulkan apa yang tidak betul, memperbaiki apa yang kurang elok dan menokok tambah kepada apa yang jelas baik supaya 2015 tidak semata-mata menyambung masalah-masalah 2014. Azam tahun baharu 2015 sewajarnya azam secara kolektif kita sebagai warga UTeM untuk menyumbang kepada kesejahteraan universiti.

Akhir kata, saya berharap tahun 2015 akan membawa **kebahagiaan, kesejahteraan, kemakmuran** dan **kecemerlangan** buat semua warga Universiti, khususnya peningkatan pencapaian UTeM secara keseluruhannya. Selamat menyambut tahun baharu.

KANDUNGAN

- 3 Bicara Tahun Baharu 2015 Pendaftar
- 4 Pelantikan Pengurusan Kanan UTeM
- 5 Penganugerahan Watak Autonomi UTeM
- 6 Persijilan Semula MS ISO 9001:2008
- 7 Sekalung Tahniah
- 10 Kenaikan Pangkat Staf Akademik
- 12 Persembahan Pengurusan KIK UTeM 2014
- 14 Majlis Perasmian Konvensyen KIK 2014
- 17 Majlis Penutup Konvensyen KIK 2014
- 21 PTM
- 22 Kursus Kaedah Penyelidikan Siri 2/2014
- 23 Majlis Jasamu Dikenang
- 25 PESUMA
- 26 UTeM Catat 2621 Pelajar Baharu
- 27 Cuti Gantian
- 28 Senyumlah Duhai Diri
- 29 Coretan Aktiviti Bahagian Kesejahteraan Personel
- 31 Misi kemanusiaan Mangsa Banjir Pantai Timur
- 32 Berjaya PhD
- 34 Pertukaran Penempatan

PELANTIKAN PENGURUSAN KANAN UTeM

Pelantikan baharu **Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)** Universiti Teknikal Malaysia Melaka:
YBhg. Profesor Dr. Mohd Razali bin Muhamad berkuat kuasa mulai 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2017



Pelantikan semula **Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)** Universiti Teknikal Malaysia Melaka:
YBhg. Profesor Ir. Dr. Mohd. Jailani bin Mohd. Nor berkuat kuasa mulai 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2016

PENGANUGERAHAN WATIKAH AUTONOMI UTeM

Oleh: Noorazilah binti Mohamed

Tahun 2015 membuka lembaran baru kepada sejarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) apabila Mesyuarat Jawatankuasa Induk Antara Agensi bagi pelaksanaan Autonomi di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Bil. 1/2014 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Seri Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan II telah bersetuju untuk membenarkan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) melaksana autonomi dalam empat (4) bidang iaitu:

- i) Governan Institusi
- ii) Kewangan dan Penjanaaan Pendapatan
- iii) Sumber Manusia
- iv) Pengurusan Akademik dan Kemasukan Pelajar



Ke Arah Universiti Berkualiti

Status autonomi yang diberi kepada sesebuah universiti memberi kebebasan dan tanggungjawab penuh terhadap sistem governan institusi dan akademik. Ia juga merangkumi pengurusan kewangan dan pengurusan modal insan

Penganugerahan autonomi itu diberikan selepas proses audit menggunakan instrumen Kod Urus Tadbir Baik Universiti (Code of University Good Governance (CUGG)) dan Indeks Urus Tadbir Baik Universiti (University Good Governance Index (UCGI)) selesai dijalankan.

Penganugerahan Universiti berautonomi merupakan inisiatif penting demi membentuk dan menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan Universiti. Dengan kuasa substantif yang diberikan melalui autonomi ini, ia membantu mengurangkan kebergantungan Universiti kepada pihak Kementerian dalam membuat keputusan yang sekali gus memberi kesan positif dalam melahirkan bakat terbaik di kalangan tenaga pengajar, pelajar dan pentadbir.

Tahniah

PEJABAT PENDAFTAR PERSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2008

Oleh: Hairulizan binti Yacob

Pejabat Pendaftar telah dianugerahkan Persijilan Semula MS ISO 9001:2008 pada 12 Oktober 2014. Persijilan tersebut adalah sah dalam tempoh masa 3 tahun iaitu berakhir pada 11 Oktober 2017.

MS ISO 9000 adalah salah satu standard bertulis yang menetapkan dan menyenaraikan keperluan-keperluan asas yang perlu ada dalam Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang cekap dan berkesan bagi meningkatkan keupayaan pihak pengurusan dalam membuat keputusan, mengawal input yang digunakan dalam proses kerja serta mengelakkan pembaziran dan meningkatkan produktiviti.

Pelaksanaan Audit Persijilan Semula oleh Badan Pensijilan Bureau Veritas Certification (BVC) telah diadakan pada 15 dan 16 Julai 2014 bagi mendapatkan Pesijilan Semula MS ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar.

Bagi memastikan SPK Pejabat Pendaftar sentiasa dipatuhi secara berterusan dan meningkatkan keberkesannya, Pejabat Pendaftar akan diaudit oleh pihak BVC.

Pelaksanaan audit yang akan dijalankan adalah Audit Pengawasan 1 pada tahun 2015 dan Audit Pengawasan 2 pada tahun 2016.



Dengan adanya masalah maka akan terserlah pelajaran dan kematangan sekiranya diselesaikan dengan baik menggunakan akal budi yang teguh.

“

Petua yang saya guna adalah menurut kata-kata ketua saya dan memberi sokongan penuh atas keputusan yang dibuat. Perbezaan pendapat cuma semasa perbincangan, setelah keputusan dibuat adalah menjadi tanggung jawab saya melaksanakan dengan tekun dan penuh iltizam.

”

Sekalung Tahniah

kepada
**PROFESOR DR. MD RAZALI
BIN AYOB**
kerana *Kenaikan Pangkat ke
Profesor Gred Khas B
(VK6)*

Suatu pagi pada hari Sabtu di dalam bilik Pengurus Makmal Universiti Teknologi Malaysia (UTM), saya menerima panggilan telefon daripada Datuk Ruddin menjemput agar saya bersama beliau berhijrah ke Melaka untuk membangunkan sebuah kolej universiti. Jawapan saya adalah supaya diberi masa untuk berbincang dengan keluarga dan kawan-kawan di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), UTM. Saya memberi jawapan pada hari Isnin.

Saya bertemu Prof. Mohd Noor Musa, sebagai Ketua Jabatan saya dan Prof Awaludin sebagai Timbalan Dekan (Penyelidikan), menyatakan hasrat serta menimbang kebaikan dan kekurangan jika saya ke Melaka. Di rumah saya bertanya kepada isteri dan balik ke rumah ibunda bertanya kepada emak dan pandangan kakak-kakak saya. Saya yakin dengan jawapan mereka dan saya yakin dengan kehendak saya. Ya, saya akan ke Melaka kerana saya ingin melakukan perubahan yang saya sendiri hendak lakukan. Peluang ini datang seperti disusun untuk saya.

Hasrat sekembali dari PhD pada 1995, hendak ke tempat lain tercapai. Lebih manis ia bersifat rasmi. Pagi Isnin saya menghubungi Datuk Ruddin dan menyatakan secara positif dan beliau menyatakan saya akan mengepalai Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) di Melaka nanti.



Nombor staf saya ialah 00039 semasa melaporkan diri pada 2.05.2001 di Pejabat Pendaftar, berumahkan kedai di Taman Tasik Utama, iaitu selepas sahabat saya Prof. Madya Abd. Salam Tahir. Saya bertemu ramai kawan-kawan sama ada yang baru kenal mahupun yang datangnya dari UTM, Skudai. Selama tujuh (7) bulan saya berulang alik dari Lubuk China ke Ayer Keroh pada tahun 2001. Keluarga saya berpindah ke Melaka pada 2002. Sesungguhnya keadaan Ayer Keroh dan KUTKM ketika itu jauh lebih daif berbanding dengan bangunan yang tersergam indah ketika ini.

Sepanjang berkhidmat di Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM)/Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), pelbagai pengalaman telah dilalui dan banyak perkara telah dipelajari. Ada perkara yang menjadi sempadan dan ingatan. Iaitu ramai orang yang menjadi ketua saya. Bermula dari Datuk Ruddin, Datuk Ismail, Datuk Ahmad Yusoff dan kini Datuk Shahrin. Empat personaliti yang mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing. Apa pun yang saya lalui, petua yang saya guna adalah menurut kata-kata ketua saya dan memberi sokongan penuh atas keputusan yang dibuat. Perbezaan pendapat cuma semasa perbincangan, setelah keputusan dibuat dengan tekun dan penuh iltizam. Kepercayaan, kebebasan, tanggungjawab dan keterbukaan menjadi tanggung kepada corak pengurusan ketua saya.

Dari sudut perkhidmatan, dari 2001 hingga 2011 merupakan satu tempoh yang amat mencabar. Adalah menjadi satu pengalaman, dengan adanya masalah maka akan terserlah pelajaran dan kematangan sekiranya diselesaikan dengan baik menggunakan akal budi yang teguh. Masalah pinjaman dan perpindahan dari UTM ke UTeM bukan sesuatu yang dikira mudah seperti masa ini. Ketika itu tiada mana-mana peruntukan membolehkan staf akademik berhijrah dari satu institusi ke institusi lain.

“Gunakan kebijaksanaan dalam membuat keputusan kerana kita tidak tahu sebenarnya di mana garis penghujung kuasa yang kita ada.”

Dengan sabar dan bersyukur atas bantuan semua kawan seperjuangan, akhirnya saya berjaya dipindahkan secara rasmi pada 2011. Kepada semua staf Pejabat Pendaftar, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas segala payah dan jerih, dengan tidak mengenal letih dalam menguruskan masalah pinjaman dan perpindahan saya. Pegawai yang saya temui dan selalu hubungi, Datuk Hasan dan Encik Wahi, serta Pengurusan Tertinggi Universiti termasuk Pengerusi LPU, memberi sokongan penuh dalam perkara ini.

Dalam mencari penyelesaian, semua tahap ditempuhi, kecuali Perdana Menteri, memandangkan tiada ruang pengaruh yang membolehkan keputusan dibuat kecuali Naib Canselor sesebuah institusi itu. Pernah berjumpa dengan Mak Engku, Lady in Standing, Sultanah Johor DT. Begitu juga dengan Pengerusi LPU UTM ketika itu, Tan Sri Hashim Ali. Hatta ada tiga orang Menteri Pendidikan (Datuk Shafie, Tok Pa dan Datuk Seri Khalid Nordin) melepasi ruang sebelum penyelesaian dicapai. Tidak ketinggalan juga memohon bantuan dari TPM ketika itu iaitu PM ketika ini. Satu pelajaran yang boleh menjadi teladan adalah gunakan kebijaksanaan dalam membuat keputusan kerana kita tidak tahu sebenarnya di mana garis penghujung kuasa yang kita ada.

Pembangunan fizikal kampus, bilangan program akademik dan enrolmen pelajar melitinkan perkembangan yang positif. Banyak kekangan ada tetapi secara keseluruhan, UTeM telah mampu melaksanakan tugas yang diberi untuk melahirkan graduan yang mempunyai cita rasa dan kompetensi yang diharapkan. Banyak sistem telah dibangunkan dan diguna pakai, begitu juga dengan pembangunan insan, pensyarah dan staf sokongan, dalam membina identiti UTeM sebagai universiti berfokuskan bidang teknikal dan vokasional.

Apa pula perasaan ketika jempunan temu bual kenaikan pangkat? Ada dua (2) perkara yang dipelajari dan boleh dijadikan contoh. Pertama, pangkat akan datang sekiranya kita tidak mahu kerana kerja yang kita mahu itulah yang menunjukkan pangkat kita. Ini bermakna kerja yang kita buat seharusnya menjadi kehendak kita dalam memenuhi tuntutan aku janji dan amanah yang diberi. Ia bukan sesuatu yang dipaksa dan ini merangkumi sebarang penghargaan yang kita dapat dan orang beri. Hal kedua adalah apabila dipanggil untuk temu bual, saya menjadi risau kerana dokumen bukti perlu disusun seperti mana proses kenaikan pangkat yang lain. Risaunya bukan apa, tetapi mencari dokumen yang tidak dijumpai. Oleh itu, sebagai permulaan karier bagi staf adalah disarankan agar mengambil masa sedikit untuk susunan dokumen kerana akhirnya banyak masa akan terbuang jika tertinggal. Itulah sebabnya pemerhatian yang tajam dan kaedah terpanas perlu ada, dididik dan diguna pakai dalam menjalankan tugas harian. Dalam banyak keadaan, saya sebenarnya tahu di mana dokumen tersebut. Apa pun lebih baik jika ianya di susun lebih awal supaya ia membantu dan menjadi lebih mudah.

“Pemerhatian yang tajam dan kaedah terpanas perlu ada, dididik dan di guna pakai dalam menjalankan tugas harian.”

Melepasi satu tahap temu duga merupakan pengalaman yang berharga. Banyak harapan disandarkan terutama jika ia melibatkan pangkat dan jawatan. Bebanan temu bual yang dilepasi ini hendaklah disyukuri kerana kita tidak akan maklum apa yang berlaku selepasnya.

Lazimnya jika positif hasilnya, maka ia datang dengan amanah yang lebih besar yang perlu digalas. Maknanya ia bukanlah sesuatu yang menjadi hak kita tetapi menjadi tugas yang perlu diselesaikan dan dipertanggungjawabkan. Curahan pengalaman mengurus, mengajar, membuat penyelidikan dan lain-lain yang terkait dengan akademik adalah menjadi harapan saya untuk UTeM ini agar hasrat menjadikan ia sebuah institusi yang tersohor di dunia ini tercapai. Insyaa-Allah.



Kenaikan Pangkat Staf Akademik

Oleh: Noor Izwanni binti Amil

PROFESOR DATO' DR. MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI
PROFESOR (GRED KHAS A)
VK5

PROFESOR MADYA IR. DR. PUVANASVARAN A/L A. PERUMAL
PROFESOR MADYA
DS54

PROFESOR MADYA DR. ZULKIFLI BIN MOHD ROSLI
PROFESOR MADYA
DS54

PROFESOR MADYA DR. ZAMBERI BIN JAMALUDIN
PROFESOR MADYA
DS54

DR. ASLINDA BINTI HASSAN
PENSYARAH KANAN
DS52

DR. YOGAN A/L JAYA KUMAR
PENSYARAH KANAN
DS52

DR. AMINUDIN BIN AMAN
PENSYARAH KANAN
DS52

DR. SAIFULZA BIN ALWI @ SUHAIMI
PENSYARAH KANAN
DS52

DR. MASRULLIZAM BIN MAT IBRAHIM
PENSYARAH KANAN
DS52

DR. FAZLLI BIN PATKAR
PENSYARAH KANAN
DS52

DR. AZZIDDIN BIN MOHAMAD RAZALI
PENSYARAH KANAN
DS52

DR. SAHAZATI BINTI MD. ROZALI
PENSYARAH KANAN
DS52

DR. MOHD SHAHIR BIN KASIM
PENSYARAH KANAN
DS52

DR. LEE MEI PH'NG
PENSYARAH KANAN
DS52

ENGR. DR.-ING. AZRUL AZWAN BIN ABDUL RAHMAN
PENSYARAH KANAN
DS52

Tahniah !!

Kenaikan Pangkat Staf Akademik

HAIROL NIZAM BIN MOHD SHAH
PENSYARAH KANAN
DS52

MOHAMAD RIDUWAN BIN MD NAWAWI
PENSYARAH KANAN
DS52

DR. HANIM BIN ABDUL RAZAK
PENSYARAH KANAN
DS52

DR. SYAFEEZA BINTI AHMAD RADZI
PENSYARAH KANAN
DS52

DR. ZAMRE BIN ABD GHANI
PENSYARAH KANAN
DS52

DR. WONG YAN CHIEW
PENSYARAH KANAN
DS52

DR. MOHD ASRI BIN YUSUFF
PENSYARAH KANAN
DS52

DR. MOHD AMRI BIN SULAIMAN
PENSYARAH KANAN
DS52

DR. LOKMAN BIN ABDULLAH
PENSYARAH KANAN
DS52

DR. ZURINA BINTI SA'AYA
PENSYARAH KANAN
DS52

DR. MULIATI BINTI HJ. SEDEK
PENSYARAH KANAN
DS52

MOHD NIZAM BIN YUSOF
GURU BAHASA
DG44

MOHD HELMI BIN OMAR
GURU BAHASA
DG44

Tahniah !!



Persembahan Pengurusan KIK UTeM 2014

Oleh: Ratnasaerah binti Azis

Persembahan Pengurusan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah dianjurkan pada 7 Julai 2014 bertempat di Dewan Auditorium, Canselor UTeM

Sebanyak dua belas (12) Kumpulan KIK telah menyertai persembahan tersebut. Terdapat enam (6) kumpulan telah membentangkan projek masing-masing dari kategori Teknikal dan enam (6) kumpulan lagi membentangkan projek dari kategori Pengurusan. Antara kumpulan KIK yang menyertai Persembahan Pengurusan KIK UTeM adalah:

Bil.	Nama Kumpulan	PTj	Kategori	Tajuk Projek
1	i-Tech	FKE	Kategori	Smart Rest Room
2	FAME	FKP		Penjimatan Air di Tandas FKP (SMAVY-T)
3	EeZee	FTMK		Pengurusan Pemantauan Pengguna (3P)
4	Keceper	Penerbit Universiti		e-MODUL
5	Nolongi	Pusat Komputer		Sistem Maklumat Kenderaan
6	techITez (T.I.E)	Pusat Komputer		i-REG (Sistem Pendaftaran Pelajar Baharu)
7	iCreate	FKE		Delay of Retrieval File Subject
8	InCOME	Pejabat Pendaftar	Pengurusan	Penggunaan Pos Laju Tinggi
9	Keris	PBPI		SPM – Strategic Paper Management
10	MOLIA	Perpustakaan		E-TAG
11	NUR SALAM	Pusat Islam		Penyertaan Program Keagamaan Tidak Mencapai Sasaran
12	Pro-Evolution V2	Pejabat Bendahari		Pengurusan e-filing bagi baucer pembayaran

Persembahan projek kumpulan-kumpulan tersebut diadakan oleh enam (6) orang Panel Penilai yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Pemandu KIK iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Rizal bin Saleh (Dekan FKP), Dr. Mohd Syaiful Rizal bin Abdul Hamid (Dekan FPTT), Encik Khairul bin Taib (Bendahari), LAr. Abdul Wahab bin Harun (Pegawai Pejabat Pembangunan), Puan Hj. Faridah binti Hj. Md. Amin (Ketua Pustakawan), dan Encik Mohd Isa bin Mohd Dom (Pegawai Pusat Komputer).

Tujuan utama Persembahan Pengurusan KIK ini adalah untuk:

1

Mendapatkan pertimbangan dan kelulusan daripada Jawatankuasa Pemandu KIK UTeM bagi cadangan projek yang dibentangkan sebelum ianya boleh dilaksanakan.

2

Memberi peluang Kumpulan KIK membuat persembahan dan seterusnya secara tidak langsung memberi kebaikan dan menaikkan imej Pusat Tanggungjawab (PTj).

KAEDAH PEMARKAHAN KEPUTUSAN AKHIR

Kaedah pemarkahan persembahan ini juga dibahagikan kepada dua (2) bahagian iaitu 80% markah adalah daripada Panel Penilai manakala 20% markah lagi daripada Juri Awam.



Tempoh masa persembahan setiap kumpulan adalah dihadkan kepada 20 minit di mana pembentangan projek selama 15 minit dan 5 minit seterusnya untuk sesi soal jawab. Pemarkahan pembentangan kumpulan dinilai melalui beberapa kriteria seperti berikut:

PANEL PENILAI

1. Pengenalan Projek

Markah penuh 10 markah

2. Pemilihan Projek

Markah penuh 30 markah

3. Penjelasan Projek

Markah penuh 20 markah

4. Analisis Projek

Markah penuh 20 markah

5. Cadangan Penyelesaian

Markah penuh 10 markah

6. Outcome/Impak

Markah penuh 10 markah

Markah keseluruhan: 100 markah

JURI AWAM

1. Komitmen Ahli kumpulan

Markah penuh 20 markah

2. Idea yang bernas

Markah penuh 20 markah

3. Persembahan yang menarik

Markah penuh 20 markah

4. Projek Kreatif/Inovatif

Markah penuh 20 markah

Markah keseluruhan: 100 markah

Kumpulan yang berjaya di dalam Persembahan Pengurusan KIK ini terpilih untuk menyertai Konvensyen KIK Peringkat UTeM yang akan diadakan pada Disember 2014 nanti.

Dengan adanya penglibatan staf di dalam program KIK ini, ia meransang dan menggalakkan staf untuk berfikir di luar kotak dan berkeupayaan menghasilkan projek yang kreatif dan inovatif serta membantu memudahkan sesuatu proses kerja di PTj masing-masing.



Majlis Perasmian KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF 2014 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Oleh: Noorazilah binti Mohamed

11 Disember 2014: Penganjuran Majlis Konvensyen KIK kali pertama ini merupakan satu lagi usaha Universiti untuk terus maju melangkah gagah ke hadapan demi mencapai kegemilangan dan kecemerlangan Universiti.

Majlis pembukaan Konvensyen KIK UTeM ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Datuk Hasan bin Sirun, Pendaftar UTeM.

Melalui konvensyen ini, penerima anugerah Inovasi akan mewakili UTeM di peringkat Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang akan di adakan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 14 hingga 16 April 2015.

Sebanyak tujuh (7) kumpulan KIK yang bertanding mewakili pejabat-pejabat tertentu. Setiap kumpulan akan membawa hasil dapatan kajian untuk dipersembahkan kepada tiga orang juri yang menghakimi Konvensyen KIK ini yang terdiri dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Senarai kumpulan yang bertanding di Konvensyen KIK Peringkat UTeM:

Kategori Pengurusan

Nama Kumpulan	Pusat Tanggungjawab/ Pejabat	Tajuk Projek
MOLIA	Perpustakaan	E-Tag
iCreate	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	Delay of Retrieval File Subject
Pro Evolution	Pejabat Bendahari	Pengurusan e-filling bagi baucer pembayaran
InCOME	Pejabat Pendaftar	Penggunaan Pos Laju Tinggi



Senarai Panel Penilai

Encik Zul Ezwan bin Muhamad	Pegawai Perunding	Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Wilayah Selatan
Encik Mazuan bin Salih	Pegawai Perunding	Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Wilayah Selatan
Encik Hasrizal bin Zainul	Perunding Latihan Kanan	Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

Kategori Teknikal

Nama Kumpulan	Pusat Tanggungjawab/ Pejabat	Tajuk Projek
iTech	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	Smart Rest Room
techITez	Pusat Komputer	Sistem Pendaftaran Pintar (Pelajar Baharu)
FAME	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	Penjimatan Air di Tandas FKP (SMAVY-T)





Dalam ucapan perasmian yang di sampaikan oleh Pendaftar UTeM, beliau berkata, inisiatif anugerah inovasi dan pewujudan Kumpulan KIK di UTeM merupakan salah satu mekanisme untuk memberi kesedaran dan menggalakkan setiap warga Universiti memberi dan berkongsi idea-idea kreatif dan bernas dalam memudahkan tugas harian supaya lebih efisien dan efektif.

Menurutnya lagi, sebagai organisasi inovatif, UTeM mesti berwawasan dan bijak merencana strategi. Ini boleh direalisasikan dengan cara:

1. Meneliti ciri-ciri kekuatan dan menggunakannya untuk mempertahankan kedudukan dalam sesuatu ekosistem.
2. Meneliti kelemahan-kelemahan dan merangka strategi mengatasi setiap kelemahan dengan cekap dan pantas.
3. Meneliti ekosistem dan mengenal pasti peluang-peluang yang ada untuk memperoleh secara sistematik.
4. Mengatur strategi, dasar dan prosedur untuk menentang ancaman dan bahaya dari luar dan dalam organisasi.

Majlis perasmian Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) diakhiri dengan ucapan syabas dan tahniah kepada kumpulan-kumpulan yang bertanding.

“

Kejayaan tuan-tuan dan puan-puan sebenarnya akan menunjukkan bahawa tuan-tuan dan puan-puan telah menghasilkan projek-projek KIK yang berkualiti dan pasti memberi impak kepada peningkatan perkhidmatan dan produktiviti di Pejabat masing-masing secara khusus dan Universiti secara amnya.

”



Majlis Penutup KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF 2014 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Oleh: Noorazilah binti Mohamed



11 Disember 2014: Majlis Penutup dan penyampaian hadiah Konvensyen KIK peringkat UTeM telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Datuk Profesor Dr. Shahrin bin Sahib, Naib Canselor, UTeM.

Dalam ucapan penutup Konvensyen KIK tersebut, Naib Canselor mengucapkan tahniah kepada Pejabat Pendaftar kerana berjaya menganjurkan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif peringkat UTeM dan juga berbangga dengan semangat tujuh (7) Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dari pelbagai Pusat Tanggungjawab yang bertanding di Peringkat Akhir Konvensyen KIK UTeM.

Menurut Naib Canselor, penganjuran Konvensyen KIK ini diharap dapat menjadi penanda aras dan pelantar bagi menyemarakkan lagi budaya inovasi dalam kalangan warga UTeM.

Harapan beliau Konvensyen KIK ini akan terus diadakan sebagai usaha meningkatkan kompetensi, sikap dan ilmu warga universiti dan seterusnya pencapaian yang cemerlang di Konvensyen KIK IPTA dan di peringkat antarabangsa.

Berikut adalah keputusan bagi pemenang Konvensyen KIK peringkat UTeM:

ANUGERAH PERSEMBAHAN TERBAIK:
Wang Tunai: RM1000.00, plak dan sijil penarafan.

KATEGORI PENGURUSAN
Kumpulan iCreate (Fakulti Kejuruteraan Elektrik)
Tajuk Projek: *Delay of Retrieval File Subject*

KATEGORI TEKNIKAL
Kumpulan Fame (Fakulti Kejuruteraan Pembuatan)
Tajuk Projek: *Penjimatan Air di Tandas FKP*



ANUGERAH KESELURUHAN:
KATEGORI PENGURUSAN

<p>JOHAN</p> <p>WANG TUNAI: RM5,000.00, PLAK DAN SIJIL PENARAFAN</p>	<p>Kumpulan MOLIA (Perpustakaan) Tajuk Projek: E-Tag</p>
<p>NAIB JOHAN</p> <p>WANG TUNAI: RM3,000.00, PLAK DAN SIJIL PENARAFAN</p>	<p>Kumpulan iCreate (FKE) Tajuk Projek: <i>Delay of Retrieval File Subject</i></p>
<p>TEMPAT KETIGA</p> <p>WANG TUNAI: RM2,000.00, PLAK DAN SIJIL PENARAFAN</p>	<p>Kumpulan InCOME (Pejabat Pendaftar) Tajuk Projek: Penggunaan Pos Laju Tinggi</p>





**ANUGERAH KESELURUHAN:
KATEGORI TEKNIKAL**

JOHAN

**WANG TUNAI:
RM5,000.00,
PLAK DAN SIJIL
PENARAFAN**

Kumpulan **techTez (Pusat Komputer)**
Tajuk Projek: Sistem Pendaftaran Pintar Pelajar Baharu



NAIB JOHAN

**WANG TUNAI:
RM3,000.00,
PLAK DAN SIJIL
PENARAFAN**

Kumpulan **FAME (FKP)**
Tajuk Projek: Penjimatan Air di Tandas FKP



TEMPAT KETIGA

**WANG TUNAI:
RM2,000.00,
PLAK DAN SIJIL
PENARAFAN**

Kumpulan **iTech (FKE)**
Tajuk Projek: Smart Rest Room



Oleh: Azrina binti Alwi

PTM Program Transformasi Minda Pencetus Kesedaran Staf Baru Dalam Hala Tuju Negara

Pada 25 Ogos sehingga 29 Ogos 2014 bertempat di Bilik Jamuan VVIP, Dewan Besar Kampus Induk UTeM, Unit Pengesanan Perkhidmatan, Pejabat Pendaftar telah menganjurkan Program Transformasi Minda (PTM) Bil 2 Tahun 2014 bagi staf yang baru melaporkan diri di UTeM. Program kali ini melibatkan seramai 22 orang staf yang terdiri daripada 20 orang staf akademik dan 2 orang staf pentadbiran yang majoritinya dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan. Objektif utama PTM diperkenalkan adalah sebagai satu pendekatan untuk memberi pendedahan dan penyesuaian minda pegawai di peringkat awal pelantikan dalam perkhidmatan awam.

Program ini dibentuk bagi membolehkan jati diri bagi menghadapi cabaran dan ekspektasi pelanggan. Sepanjang lima (5) hari berkursus, banyak input-input berguna diperolehi dan memupuk keperibadian, jati diri dan nilai patriotisme staf supaya lebih berketerampilan dan berkemampuan menyesuaikan diri dalam Perkhidmatan Awam.

Program ini banyak mengajar staf berkaitan dengan nilai jati diri dan integriti seorang penjawat awam dalam meningkatkan Sistem Penyampaian Kerajaan dan merealisasikan Program Transformasi Kerajaan untuk menuju negara maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

PTM juga dilaksanakan melalui pelbagai kaedah seperti latihan dalam kumpulan (LDK), sesi interaktif, perbincangan kumpulan, perbincangan kes, kuiz, e-Pembelajaran, serta ujian psikometrik. Staf juga diberi penilaian yang dibuat secara penilaian sepanjang program berdasarkan kepada aktiviti dan kriteria penilaian yang ditetapkan. Staf yang mengikuti PTM sepenuhnya dan berjaya berasaskan penilaian yang layak akan diberikan sijil PTM.



Kursus KAEDAH PENYELIDIKAN SIRI 2/2014

ANJURAN BAHAGIAN CUTI BELAJAR, PEJABAT PENDAFTAR



Oleh: Akmal bin Abdul Manap

Pada 22 hingga 26 Ogos 2014, Bahagian Cuti Belajar, Pejabat Pendaftar telah menganjurkan Kursus Kaedah Penyelidikan Siri 2/2014 bertempat di Hotel Lexis Port Dickson. Kursus ini dilaksanakan sebanyak dua (2) kali setahun yang mensasarkan staf Akademik yang akan melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana dan PhD. Kursus ini turut disertai peserta dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Sepanjang kursus berjalan, peserta didedahkan dengan pelbagai persediaan, pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh staf yang akan melanjutkan pengajian. Penceramah turut berkongsi pengalaman ketika mereka melanjutkan pengajian dan juga sebagai Penyelia kepada pelajar yang diselia.

Antara pengisian kursus adalah:

Tajuk	Penceramah
Overview of Reserch	Prof Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor
Data Gathering	Prof. Dr. Abd Latif bin Ahmad dari Universiti Sains Malaysia (USM)
Article Writing	Prof. Madya Dr. Jariah binti Mohamad Juoi
Preparing Thesis	Prof. Dr. Abd Latif bin Ahmad

Tajuk	Penceramah
Intellectual Properties	Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor
Route to PhD	Prof. Madya Dr. Burairah bin Husin
Literature Review & Selection Topic	Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman
Study Leave Preparation	Encik Akmal bin Abdul Manap

Peserta kursus juga telah memberikan maklumbalas yang baik terhadap Kursus yang dijalankan. Antara maklumbalas yang diberikan adalah:

“ Ini adalah kursus yang sangat baik dan banyak memberikan maklumat dan pengetahuan ”

*Encik Hilmi Amiruddin,
Pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal*

“ Sangat kagum dengan Kursus yang yang dianjurkan oleh UTeM dan berterima kasih kepada urus setia yang sangat membantu ”

*Cik Nor Azikin Mohd Omar,
dari UniSZA*

Sebagai tanda penghargaan ke atas sumbangan dan perkhidmatan yang telah diberikan oleh staf, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar telah menganjurkan Majlis Jasamu Dikenang untuk meraikan pesara-pesara Universiti pada 5 Disember 2014 bertempat di Bilik Jamuan Senat, Canselor.

Majlis telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM, Y.Bhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin Bin Sahib dan dihadiri oleh Pegawai Kanan Universiti serta pesara yang diraikan. Di majlis ini, pesara menerima cenderamata dan sijil penghargaan sebagai tanda penghargaan di atas sumbangan dan jasa selama berkhidmat di Universiti ini.

Di dalam majlis berkenaan, seramai enam (6) orang pesara UTeM telah dirai iaitu:

Persaraan Kerana Mencapai Umur (55/56/58/60)

Nama	Tarikh Persaraan
Encik Omar bin Mat Ibrahim (00006) Penolong Jurutera Gred JA29 - Fakulti Kejuruteraan Elektrik	26 April 2014
Encik Jaafar bin Lajis (00300) Penolong Jurutera Gred JA29 - Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	14 Oktober 2014
Dato' Profesor Dr. Mohd Nor bin Husain (00952) Pensyarah Universiti Gred VK05 /Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa) - Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer / Canselor	10 November 2014

Majlis Jasamu Dikenang

Oleh: Norhafizah binti Md Yusoh



Persaraan Pilihan

Nama	Tarikh Persaraan
Profesor Madya Dr. Ahmad Jamal bin Salim (00249) Pensyarah Universiti Gred DS53 - Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer	2 Januari 2014
Pn. Noridah Binti Talib (00012) Penolong Akauntan Kanan Gred W32 - Pejabat Bendahari	6 Januari 2014
En. Mohd Nasir Bin Hashim (00566) Pembantu Perpustakaan Kanan Gred S22 - Perpustakaan	7 Julai 2014

Naib Canselor dalam ucapannya, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pesara yang diraikan, atas setiap pengorbanan dan jasa bakti yang telah dicurahkan dalam sama-sama memajukan Universiti ini hingga Universiti berada pada tahap yang dibanggakan kini. Sumbangan serta usaha yang telah diberikan pastinya akan terus dikenang dan persahabatan yang terjalin sepanjang perkhidmatan diharapkan tidak akan terhenti di sini malah akan terus berkekalan.

“Universiti akan kehilangan sekumpulan lagi staf yang berkebolehan dan berpengalaman. Kami amat menghargai jasa tuan/puan dan berharap agar tuan/puan akan terus mengingati, mendampingi dan memberi sumbangan kepada Universiti ini sama ada secara langsung atau pun tidak. Sesungguhnya khidmat bakti yang ditaburkan akan terus berkembang dan mewangi di mana sahaja tuan/puan berada.”, ujar Naib Canselor.

Beliau juga berharap agar pesara-pesara UTeM akan mengisi kehidupan selepas persaraan dengan melaksanakan sesuatu kerja atau aktiviti yang dapat memberi kepuasan dan manfaat untuk diri sendiri atau membawa sesuatu yang bermakna kepada keluarga dan masyarakat.

Di samping itu, Y.Bhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin turut mendoakan agar segala urusan pesara-pesara UTeM dipermudahkan dan diberkati dengan kesihatan yang baik serta kehidupan yang bahagia di samping keluarga tersayang.



“Halatuju dan Cabaran Transformasi Pengurusan Sumber Manusia IPTA”

telah diangkat menjadi tema Persidangan Sumber Manusia (PESUMA) IPTA 2014 yang dianjurkan bersama oleh Jawatankuasa Sumber Manusia IPTA (JASUMA) dan Universiti Malaysia Sabah pada 25-27hb Ogos 2014, bertempat di Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah.

Persidangan yang diadakan kali ini telah melibatkan hampir 100 peserta dari 20 Universiti Awam di Malaysia bagi membincangkan kertas kerja merangkumi pelbagai topik yang berkisar mengenai pengurusan sumber manusia. UTeM turut menghantar beberapa orang peserta dan mengambil bahagian dalam sesi pembentangan kali ini dengan memilih tajuk Pembiayaan Perubatan Kakitangan Pesara IPTA. Antara tajuk kertas kerja yang dibentangkan oleh IPTA lain adalah Pengurusan Organisasi Kejat IPTA, Kepimpinan dan Pelan Penggantian IPTA, Pengurusan Prestasi Sebagai Pemangkin Produktiviti IPTA dan Pengurusan Bakat IPTA.

PESUMA Persidangan Sumber Manusia IPTA 2014

Oleh: Hazrin binti Kasim

Mengambil kata-kata YABhg. Tun Zaki Azmi, Pengerusi Majlis Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (MPLPU) IPTA semasa uaputama beliau di Persidangan ini, beliau menekankan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) digalakkan memcontohi dan mempraktikkan amalan pengurusan cemerlang beberapa universiti swasta dalam meningkatkan keberkesanan pengurusan sumber manusia dan sumber kewangan universiti.

Menurutnya lagi, **beberapa perancangan strategik wajar dilaksanakan dalam sesebuah organisasi. Antaranya, pengambilan pekerja mengikut keperluan semasa, kenaikan pangkat bagi pekerja yang benar-benar layak, gaji dan kemudahan untuk meningkatkan motivasi pekerja, integriti, perhubungan antara majikan dan pekerja, komunikasi berkesan serta kemudahan lain dengan tujuan memperkukuh nama organisasi sebagai ‘majikan pilihan’.**

IPTA
digalakkan memcontohi dan mempraktikkan amalan pengurusan cemerlang beberapa universiti swasta dalam meningkatkan keberkesanan pengurusan sumber manusia dan sumber kewangan universiti.

YABhg. Tun Zaki Azmi
Pengerusi Majlis Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (MPLPU) IPTA

Berbekalkan 3 hari persidangan ini, rangkumannya, Persidangan PESUMA boleh dijadikan sebagai platform sumber rujukan dalam perkongsian amalan terbaik, perkongsian serta pencetus idea dan pemangkin dalam pengurusan sumber manusia menyusun strategi yang kreatif dan inovatif dalam menerajui tadbir urus yang berkesan.



DURIAN TUNGGAL - Seramai 2,621 pelajar baharu mendaftar masuk ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bagi menjalani pengajian Sesi Akademik 2014/2015.

Daripada jumlah tersebut, seramai 278 merupakan pelajar program pengajian Diploma manakala 2,343 pula adalah pelajar bagi program pengajian Ijazah Sarjana Muda yang mana 28 darinya adalah pelajar Antarbangsa. Kesemua mereka adalah pelajar yang akan mengikuti pengajian di tujuh (7) buah fakulti pengajian di UTeM sama ada di dalam bidang Kejuruteraan, Teknologi Kejuruteraan, Teknologi Maklumat dan Teknologi Pengurusan.

Tahun ini UTeM turut menerima bilangan pelajar teramai iaitu seramai 2,621 orang mencatat nisbah pendaftaran sebanyak 96% dan merupakan antara nisbah penerimaan yang tinggi sejak awal penubuhannya. Peningkatan bilangan pelajar ini telah membuktikan bahawa sistem pendidikan serta kemudahan pengajian yang disediakan di institusi ini mendapat perhatian serta kepercayaan masyarakat khususnya di kalangan ibu bapa dan juga para pelajar.

Apa yang diharapkan agar kesemua pelajar baharu ini mampu meneruskan tradisi pembelajaran, pencapaian

UTeM Catat 2,621 Pelajar Baharu



Oleh: Mahathir bin Mazizan



Sesi Akademik 2014/2015

Apa yang dapat dilihat, pendaftaran masuk pelajar baharu yang diuruskan Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) kali ini berjalan dengan lancar serta bersistematik seperti tahun-tahun sebelum ini. Apa yang membanggakan universiti juga berjaya memperbaiki proses sistem pendaftaran yang mana ianya lebih terkini, teratur, cepat serta efisien dengan mengambil masa selama 4-5 minit sahaja bagi seseorang pelajar untuk menyelesaikan segala urusan pendaftaran berkaitan termasuk urusan kolej kediaman, cetakan kad matrik dan sebagainya.

Pendekatan pendaftaran pelajar kali ini amat berjaya, kerjasama semua pihak mampu menangani sebarang rungutan daripada pelajar ataupun ibu bapa. Pelbagai maklumbalas yang sangat positif diperolehi daripada para ibu bapa yang berpendapat inilah yang harus dilaksanakan oleh sebuah universiti, apatah lagi bagi sebuah universiti teknikal yang sentiasa mementingkan kecekapan dan keberkesanan di dalam segala tugas yang dijalankan terutamanya di dalam sistem pentadbiran.

akademik serta kecemerlangan kokurikulum secara berterusan serta menumpukan perhatian terhadap pelajaran sepanjang berada di UTeM sebelum menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi atau melangkah ke dunia pekerjaan.



CUTI GANTIAN

TUJUAN

Memaklumkan staf UTeM mengenai peraturan dan syarat pemberian Cuti Gantian (Replacement Leave)

Memperkemas dan mengkaji semula dasar pemberian Cuti Gantian kepada staf supaya dapat menggunakan cuti rehat tahunan secara maksima.

LATARBELAKANG

Berdasarkan Perintah Am 40 Bab C 1974, pegawai yang tidak berkelayakan mendapat bayaran kerana bekerja lebih masa atau sebarang bayaran khas lain boleh diberi cuti gantian kerana dipanggil bertugas lebih masa pada hari bekerja biasa, hari cuti am atau hari kelepasan mingguan.

Kelulusan pemberian Cuti Gantian adalah berdasarkan **budibicara Ketua Pusat Tanggungjawab** kepada staf yang memohon atas sebab kerja-kerja lebih masa yang telah dilakukan tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan dan kepentingan awam.

PELAKSANAAN

Pemberian Cuti Gantian hendaklah memenuhi peraturan dan syarat seperti berikut;

- a) Permohonan adalah mengikut masa sebenar bertugas lebih masa iaitu sembilan (9) jam kerja lebih masa bersamaan satu (1) hari Cuti Gantian.
- b) Cara-cara memohon Cuti Gantian:
 - i. Staf dikehendaki memohon jumlah jam kerja lebih masa yang dibuat untuk tujuan permohonan Cuti Gantian yang akan disemak dan diluluskan oleh Ketua Bahagian menggunakan borang BPSM 24- Permohonan Jumlah Jam Cuti Gantian.
 - ii. Kerja lebih masa kurang daripada satu (1) jam serta waktu-waktu yang tidak diambil kira untuk tuntutan kerja lebih masa di mana waktu-waktu tersebut dianggap waktu rehat, makan, sembahyang dan sebagainya bersesuaian dengan Perintah Am Bab G (Waktu Bekerja dan Lebih Masa) tidak dibenarkan untuk dikumpulkan sehingga berjumlah sembilan (9) jam
 - iii. Staf hendaklah mengemukakan permohonan cuti gantian berdasarkan jumlah jam Cuti Gantian yang diluluskan para 5 (c) (i) menggunakan borang BPSM 23 – Borang Permohonan Cuti Gantian
 - iv. Cuti Gantian hanya boleh dipohon dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kerja lebih masa tersebut dijalankan
 - v. Permohonan Cuti Gantian hendaklah disokong oleh Ketua Unit / Bahagian dan diluluskan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab
 - vi. Staf dikehendaki merakamkan waktu keluar dan masuk di perakam waktu sebagai bukti melakukan kerja lebih masa. Bagi staf yang bertugas di luar stesen perlu mengemukakan surat arahan kerja serta bukti kerja tersebut dijalankan

Rujukan : Perintah Am Bab C, para 40
Pekeliling Pentadbiran JPA 43/26 Klt 2



#9 KAWAL FIKIRAN

'Bagaimana cara kita BERFIKIR, mencerminkan siapa diri kita yang SEBENAR'.

Biasa dengar kata-kata ini? Biasa kan? Sememangnya cara kita berfikir mencerminkan siapa diri kita yang sebenar. Seandainya diri kita seorang yang negatif, fikiran kita juga begitu. Terdorong untuk berfikir negatif atas apa jua keadaan dan situasi. Sebaliknya, jika kita sentiasa berfikir positif, insya-Allah keperibadian kita juga ke arah positif.

'Amboi, lama tak nampak, makin sihat nampaknya'.

Individu negatif terdorong untuk berfikir negatif. Sebaris kata-kata yang orang ungkapkan, akan dilihat seperti senjata yang ingin melukakan. Langsung, mereka ini terdorong untuk membalas dengan hamburan kata-kata yang juga bertujuan membalas serangan.

'Eh, kalau aku gemuk pun kau susah apa? Ada aku mintak beras kat rumah kau ke? Macamlah dia tu cantik sangat!'

Ungkapan kata-kata negatif ini dirasakan dapat memuaskan hati yang sakit, namun sebenarnya hanya akan meninggalkan bekas dendam dan membuakkan rasa marah.

Andai kita didik dan kawal fikiran untuk berfikir positif, kita akan terdorong untuk menerima setiap kata-kata atau situasi secara positif, walaupun sebenarnya kata-kata atau situasi tersebut sememangnya negatif.

'A'ah. Makin sihat sekarang ni. Ramai orang jaga. Makan pulak memang baca Bismillah. Berkat la kot. Tu yang makin kembang tu. Hehehe...'

Sentiasa kawal fikiran untuk menerima sesuatu dengan positif dan hasilnya kita akan lebih tenang dan perkara-perkara remeh tidak akan mengganggu dan mengheret kita ke arah emosi yang negatif.

Antara tips yang boleh diamalkan untuk kawal fikiran kita dari berfikir negatif adalah dengan **TIDAK TERLALU BERAT BERFIKIR UNTUK PERKARA YANG REMEH, BERFIKIR SECARA TENANG, BERFIKIR DENGAN MENYELITKAN HUMOR, dan SENTIASA TERSENYUM.**

Senyumlah Duhai Diri

Oleh: Muhamad Hazrul Bin Md Esa K.B, P.A (Mal)

#10 BERTENANGLAH

Ya. Lautan mana yang tidak bergelombang, bumi mana yang tidak ditimpa hujan. Itu lumrah alam. Lumrah kita insani, hidup dalam dunia ini, takkan sunyi dari dijenguk musibah, masalah mahupun dugaan. Andai tenang diawalnya, mungkin dugaan tiba di pengakhirannya. Begitu juga sebaliknya.

Dugaan yang mendatangi kita, pasti berbeza. Kita diduga dalam pelbagai cara. Setiap dugaan yang datang pasti ada sebabnya, ada hikmahnya.

Kita tahu, setiap yang diturunkan pada kita adalah atas kehendakNya, atas keizinanNya. Justeru, kita juga tahu bahawa Dia jugalah perancang terbaik. Dia Maha Mengetahui setiap satunya. Dia juga tahu apa yang terbaik buat kita. Dugaan yang diturunkan pada kita, ada hikmah besar yang Dia ingin berikan. Sentiasalah tahu bahawa Dia hanya akan menduga kita dengan apa yang kita termampu.

Firma Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 286 yang bermaksud, "Allah tidak akan membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya".

Justeru, bertenanglah atas setiap dugaan yang menimpa, musibah yang melanda, masalah yang menyapa. Dengan bertenang, kita akan lebih kuat untuk mengharungi liku kehidupan kita.

'Ahh, cakap senanglah. Tak kena batang hidung sendiri. Dah kena, baru tahu berat ke tak berat'.

Mungkin biasa kita dengar ungkapan sebegini. Lahir dari jiwa yang sudah tewas mengharungi dugaan. Mungkin kita terlupa, dugaan datang dari Dia, pada Dia jugalah kita harus meminta, memohon bantuan pertolongan. Jangan mudah kalah, mudah melepaskan amarah. Tiap masalah, pasti ada penyelesaian. Tiap penyakit pasti ada penyembuhnya. Jangan mudah melatah, **kita kan ada Allah.**

Bertenanglah, bertenang membantu kita untuk lebih rasional, lebih cerah pandangan, lebih mudah membuat keputusan. Dengan bertenang, insya-Allah, idea-idea yang lahir untuk menyelesaikan permasalahan akan lebih bernas, lebih baik, lebih berguna. Bertenang akan membantu otak lebih rileks, lebih berfungsi dengan baik. Bertenang juga membantu kita untuk lebih bersyukur dengan segala pemberianNya.

Caretan Aktiviti Bahagian Kesejahteraan Personel

Oleh: Muhamad Hazrul Bin Md Esa K.B, P.A (Mal)

Tarikh : Rabu, 9 Julai 2014
Program : Motivasi Bulanan
Tajuk : Ramadan Datang Lagi
Penceramah : Tuan Haji Jalaluddin Bin Haji Mohd J2K Training Associates Sdn Bhd


Motivasi bulanan kali ini berkongsi dengan peserta akan kelebihan-kelebihan serta fadhilat bulan Ramadhan. Juga perkongsian mengenai amalan-amalan yang boleh diamalkan sepanjang bulan Ramadhan. Perkongsian kali ini juga menyentuh tentang kelebihan bulan Ramadhan dari aspek agama dan sains.

Tarikh : Rabu, 10 September 2014
Program : Motivasi Bulanan
Tajuk : Office War
Skop Kupasan : Konflik Organisasi
Penceramah : Tuan Haji Jalaluddin Bin Haji Mohd J2K Training Associates Sdn Bhd

Konflik di tempat kerja bukan sesuatu yang asing. Seringkali kita lihat ataupun terlibat dengan konflik di tempat kerja. Konflik ini tidak mengira status atau pangkat. Ia mungkin sahaja berlaku kepada sesiapa sahaja dalam organisasi. Konflik antara rakan sekerja, mahupun konflik antara staf dengan majikan atau ketua. Konflik organisasi ini perlu dibendung agar staf dapat bertugas dengan lebih selesa dan tenang. Antara tips untuk mencegah konflik organisasi dari terjadi ialah perlu sentiasa tanamkan ukhwah antara staf di pejabat. Tanamkan rasa kasih sayang dan saling menghormati.

Tarikh : Selasa, 30 September 2014
Program : Bengkel Pengurusan Kewangan Berhemah
Tajuk : POWER : Pengurusan Wang Ringgit Anda
Penceramah : Encik Raju A/L Periasamy AKPK Melaka

Bengkel POWER ini adalah bengkel pengurusan kewangan yang dianjurkan untuk mendidik staf bagaimana kaedah terbaik untuk memastikan wang bukanlah beban dalam kehidupan seharian. Bengkel ini berkongsi akan tips untuk menguruskan kewangan dengan cara yang baik serta mengaplikasikannya dalam kehidupan. Antara tips utama pengurusan kewangan adalah menentukan antara kehendak dan kemahuan setiap kali ingin berbelanja. Kaedah ini akan membuatkan kita berfikir dengan lebih baik sama ada sesuatu barangan itu perlu untuk kita beli atau sekadar memenuhi keinginan semata-mata.



Coretan Aktiviti Bahagian Kesejahteraan Personel

Oleh: Muhamad Hazrul Bin Md Esa K.B, P.A (Mal)


Tarikh : Jumaat, 17 Oktober 2014
 Program : Motivasi Bulanan
 Tajuk : Transforming Is Awesome
 Skop Kupasan : Transformasi Diri
 Penceramah : Encik Muhammad Azwan Bin Rosli
 Penolong Pengarah,
 Bahagian Pengurusan Psikologi JPA

Motivasi kali ini berkongsi dengan peserta akan perlunya perubahan yang positif dalam diri setiap individu. Perubahan positif akan memberikan impak yang baik dalam setiap aspek kehidupan kita seperti kerjaya, peribadi, keluarga dan sebagainya. Jangan sesekali gentar untuk melakukan perubahan dan sentiasa berpegang dengan kata-kata, 'hari ini perlu lebih baik dari semalam, dan esok lebih baik dari hari ini'.

Tarikh : Khamis, 6 November 2014
 Program : Motivasi Bulanan
 Tajuk : Kerja Sebagai Ibadah
 Skop Kupasan : Motivasi Kerja
 Penceramah : Encik Hanuar Bin Mohd Taib
 Penceramah Bebas, Vision Consultant

Seringkali kita merasakan bahawa kerja sebagai satu tekanan yang sangat hebat. Kita merasa tertekan untuk bekerja dan merasakan bahawa tempat kerja sebagai satu medan pertempuran. Kita sering berat hati untuk ke tempat kerja dan kita seringkali mempunyai musuh di tempat kerja. Perkara ini bukanlah satu petanda yang baik. Seharusnya kita perlu menerapkan dalam diri bahawa kerja adalah ibadah, yang perlu dilakukan dengan ikhlas dan perlu sentiasa positif. Kerja yang ikhlas insya-Allah besar ganjarannya di sisi Allah.

Feel the POSITIVE ENERGY



MISI KEMANUSIAN Mangsa Banjir Pantai Timur

Oleh: Mohd Hairull bin Abdolah

“(Wahai bumi, telanlah air (banjir) mu dan wahai langit berhentilah dari curahan hujanmu), Surah Hud ayat 44”

Tahun 2014 yang telah melabuhkan tirai telah menyaksikan bencana banjir yang telah melanda negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Perlis, Sabah, Kedah dan terbaru di Negeri Sembilan dan Johor.

Rentetan daripada kejadian yang menimpa negeri-negeri yang terjejas teruk khususnya di pantai timur, Kelab Staf Pejabat Pendaftar (STAR) telah mengambil inisiatif bagi membantu pihak Universiti dengan menyumbangkan keperluan asas seperti makanan, air minuman (mineral water), pampers, gula, dan keperluan lain untuk diagihkan kepada mangsa banjir di pantai timur. Semua di Pejabat Pendaftar khususnya telah terlibat secara langsung dalam misi bantuan ini.

Tidak cukup dengan bantuan yang diberikan, pihak Universiti juga telah menghantar sukarelawan UTeM bagi membantu meringankan beban yang ditanggung oleh penduduk untuk membersihkan kesan banjir yang menimpa di pantai timur.

Dengan sumbangan yang diberikan oleh Kelab STAR ini, sedikit sebanyak dapat membantu mangsa-mangsa banjir agar dapat meneruskan kehidupan walaupun dalam serba kekurangan.

Setiap kejadian yang berlaku di muka bumi ini, ada hikmahnya, sebagai manusia kita janganlah leka dan alpa dengan tuntutananya.



Berjaya PhD



Oleh: Norsuria binti Azis

BIL	NAMA	UNIVERSITI	NEGARA	BERJAYA PADA	BIDANG
Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)					
1	Azziddin bin Mohamad Razali (UTeM)	Memorial University of Newfoundland	Canada	25/10/2013	Kejuruteraan Elektrik
2	Aziah binti Khamis (SLAI)	UKM	MSIA	11/11/2014	Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem
Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK)					
1	Wong Yan Chiew (SLAI)	University of Edinburgh	UK	30/06/2014	Electronics Engineering
2	Syafeeza binti Ahmad Radzi (SLAI)	UTM	MSIA	19/06/2014	Kejuruteraan Elektrik
3	Zamre bin Abd Ghani (UTeM)	UKM	MSIA	07/08/2014	Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem
4	Hanim binti Abdul Razak (SLAB)	UKM	MSIA	03/07/2014	Kejuruteraan Mikro dan NANOelektronik
5	Siti Khadijah binti Idris @ Othman (SLAB)	University of Strathclyde	UK	30/09/2014	Electronic and Electrical Engineering
6	Norihan binti Abdul Hamid (SLAI)	UKM	MSIA	21/10/2014	Kejuruteraan Mikro dan NANOelektronik
7	Mohd Riduan bin Ahmad (SLAI)	Uppsalla University	SWEDEN	03/12/2014	Engineering Science with Specialization in Atmospheric Discharge
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)					
1	Mohd Asri bin Yusuff (UTeM)	UKM	MSIA	14/05/2014	Kejuruteraan Mekanik dan Bahan
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)					
1	Lokman bin Abdullah (SLAB)	UTeM	MSIA	27/09/2014	Kejuruteraan Pembuatan
2	Mohd Amri bin Sulaiman (SLAB)	UKM	MSIA	05/09/2014	Kejuruteraan Mekanik dan Bahan

BIL	NAMA	UNIVERSITI	NEGARA	BERJAYA PADA	BIDANG
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK)					
1	Aslinda binti Hassan (UTeM)	Memorial University of Newfoundland	Canada	27/05/2014	Kejuruteraan Elektrik
2	Yogan a/l Jaya Kumar (SLAI)	UTM	MSIA	16/02/2014	Sains Komputer
3	Siti Azirah binti Asmai (SLAI)	UTeM	MSIA	24/09/2014	Sains Komputer
4	Nazrulazhar bin Bahaman (SLAI)	UKM	MSIA	22/09/2014	Sains Komputer
5	Zurina binti Sa'aya (SLAB)	University of College Dublin	Ireland	13/11/2014	Computer Science and Informatics
6	Sazalinsyah bin Razali (SLAI)	Loughborough University	UK	24/11/2014	Computer Science
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI)					
1	Lee Mei Ph'ng (SLAI)	UKM	MSIA	29/04/2014	Pengajian Bahasa Inggeris
2	Muliati binti Sedek (SLAI)	UPM	MSIA	14/08/2014	Teknologi Pendidikan

Berjaya Ijazah Sarjana

Oleh: Norsuria binti Azis

BIL	NAMA	UNIVERSITI	NEGARA	BERJAYA PADA	BIDANG
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)					
1	Salleh bin Aboo Hassan (UTeM)	UTeM	MSIA	27/09/2014	Kejuruteraan Pembuatan
2	Mohd Firdaus bin Mohd Ab Halim (SLAI)	University of Applied Science Rosenheim	German	23/09/2014	Electrical Engineering and Information Technology
Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)					
3	Nurliyana binti Baharin (SLAI)	UNITEN	MSIA	16/10/2014	Elektrik Kuasa

PERTUKARAN PENEMPATAN Kumpulan Pentadbiran 2014

Oleh: Nur Fazilah binti Mohd Kassim

Bil.	Nama	Jawatan	Gred	Penempatan Asal	Penempatan Terkini	Tarikh Kuat Kuasa
1	Wahi bin Nordin	Timbalan Pendaftar Kanan	N52	Pejabat Pendaftar	Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan, Pejabat Pendaftar	16 Oktober 2014
2	Zainal bin Bidin	Timbalan Pendaftar Kanan	N52	Pejabat Khidmat Pengurusan, Canselor	Pejabat Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)	16 Oktober 2014
3	Masdarif bin Mahat	Timbalan Pendaftar Kanan	N52	Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan, Pejabat Pendaftar	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar	16 Oktober 2014
4	Mohd Azmi bin Mat Said	Timbalan Pendaftar	N48	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	16 Oktober 2014
5	Noornahar binti Akashah	Timbalan Pendaftar	N48	Pejabat Hal Ehwal Pelajar	Bahagian Pengurusan Organisasi, Pejabat Pendaftar	16 Oktober 2014
6	Misdorn bin Lan	Timbalan Pendaftar	N48	Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar	Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)	16 Oktober 2014
7	Suhaili binti Sallehuddin	Penolong Pendaftar Kanan	N44	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	Pejabat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	1 Disember 2014
8	Azhar bin Mohd Salleh	Penolong Pendaftar Kanan	N44	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar	16 Oktober 2014
9	Nur Azriah binti Amir	Penolong Pendaftar Kanan	N44	Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)	1 Disember 2014
10	Mohd Nizam bin Mazlan	Penolong Pendaftar Kanan	N44	Pejabat Hal Ehwal Pelajar	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	16 Oktober 2014
11	Marsita binti Mohd Taib	Penolong Pendaftar Kanan	N44	Bahagian Pengurusan Akademik, Pejabat Pendaftar	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	1 Disember 2014
12	Idamurni binti Ismail	Penolong Pendaftar Kanan	N44	Bahagian Pengurusan Akademik, Pejabat Pendaftar	Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)	11 Disember 2014
13	Syahira binti Hj Mohd Adnan	Penolong Pendaftar Kanan	N44	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)	Pusat Pengkomersilan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	1 Disember 2014
14	Azly Hisham bin Haron	Penolong Pendaftar Kanan	N44	Pusat Komputer	Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)	16 Oktober 2014
15	Junaidah binti Kasim	Penolong Pendaftar Kanan	N44	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar	Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	1 Disember 2014
16	Mohd Shahar bin Akashah	Penolong Pendaftar Kanan	N44	Bahagian Pengurusan Organisasi, Pejabat Pendaftar	Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)	16 Oktober 2014
17	Mokhtar bin Aman	Penolong Pendaftar Kanan	N44	Pejabat Khidmat Pengurusan, Canselor	Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselor	20 Oktober 2014
18	Mohd Marwan bin Abu Kasim	Penolong Pendaftar	N41	Pejabat Keselamatan, Pejabat Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)	Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)	1 Disember 2014

Bil.	Nama	Jawatan	Gred	Penempatan Asal	Penempatan Terkini	Tarikh Kuat Kuasa
19	Razali bin Abd. Jalil	Penolong Pendaftar	N41	Pejabat Hal Ehwal Pelajar	Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar	16 Oktober 2014
20	Farudin Hanif bin Ya'amah	Penolong Pendaftar	N41	Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi	Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko	16 Oktober 2014
21	Syamsul Iqbal bin Mohd Akin	Penolong Pendaftar	N41	Bahagian Cuti Belajar, Pejabat Pendaftar	I-COE, Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)	1 Disember 2014
22	Ong Siaw Thien	Penolong Pendaftar	N41	Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	Pusat Pembangunan Kusahawanan, Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)	1 Disember 2014
23	Noraini binti Buang	Penolong Pendaftar	N41	Pejabat Khidmat Pengurusan, Canselor	Pejabat Pengurusan Kenderaan Universiti, Pejabat Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)	20 Oktober 2014
24	Zainuddin bin Abdul Hamid	Penolong Pendaftar	N41	Pusat Pembangunan Keusahawanan, Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	1 Disember 2014
25	Zulfatria bin Abdullah	Penolong Pendaftar	N41	Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat, Canselor	Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselor	27 Oktober 2014
26	Mohd Rady bin Ab Karim	Penolong Pendaftar	N41	Pejabat Pengurusan Kenderaan Universiti, Pejabat Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)	Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselor	20 Oktober 2014
27	Zulkifli bin Ishak	Penolong Pendaftar	N41	Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)	Pusat Pengajian Siswazah	1 Disember 2014
28	Azrina binti Alwi	Penolong Pendaftar	N41	Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar	Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan, Pejabat Pendaftar	11 Disember 2014
29	Nor Hanizah binti Sapuan	Penolong Pendaftar	N41	Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat, Canselor	Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko	20 Oktober 2014
30	Noorhayati binti Mohd Ishak	Penolong Pendaftar	N41	Pejabat Naib Canselor	Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselor	20 Oktober 2014
31	Mohd Yasli bin Mohamed Rahis	Penolong Pendaftar	N41	Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)	Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar	1 Disember 2014
32	Laila Zahidah binti A. Rahman	Penolong Pendaftar	N41	Pusat Pengajian Siswazah	Bahagian Cuti Belajar, Pejabat Pendaftar	1 Disember 2014
33	Nur Syaqqirin binti Rasid	Penolong Pendaftar	N41	Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	1 Disember 2014
34	Muhamad Shuhaimi bin Abu Bakar	Penolong Pegawai Tadbir Kanan	N32	Bahagian Pengurusan Akademik, Pejabat Pendaftar	Pusat Pengkomersilan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	1 Disember 2014
35	Gafar bin Othman	Penolong Pegawai Tadbir Kanan	N32	Pejabat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	Pusat Komputer	1 Disember 2014
36	Yang Chik binti Abdul Rahman	Setiausaha Pejabat	N28	Pejabat Hal Ehwal Pelajar	Pusat Kelestarian Dan Alam Sekitar, Pejabat Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)	9 Disember 2014
37	Zanariah binti Ali	Setiausaha Pejabat	N27	Pejabat Khidmat Pengurusan, Canselor	Penerbit Universiti	3 November 2014
38	Sarinah binti Abd. Jalil	Setiausaha Pejabat	N27	Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi	Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko	20 Oktober 2014
39	Rohayati binti Abdullah	Setiausaha Pejabat	N27	Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan, Pejabat Pendaftar	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	20 Oktober 2014

Bil.	Nama	Jawatan	Gred	Penempatan Asal	Penempatan Terkini	Tarikh Kuat Kuasa
40	Elfa Laily binti Mohd Tahir @ Mohd Ramli	Setiausaha Pejabat	N27	Bahagian Pengurusan Akademik, Pejabat Pendaftar	Neraca Niaga Sdn. Bhd.	3 November 2014
41	Noor Syilawati binti Ahmad	Setiausaha Pejabat	N27	Pejabat Bendahari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar	5 November 2014
42	Siti Zuriana binti Omar	Setiausaha Pejabat	N27	Pejabat Bendahari	Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	22 Disember 2014
43	Mohd Anas bin A'denar	Penolong Pegawai Tadbir	N27	Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	Bahagian Pengurusan Akademik, Pejabat Pendaftar	1 Disember 2014
44	Khairul Nizam bin Minhat	Penolong Pegawai Tadbir	N27	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	1 Disember 2014
45	Omar bin Abdul Aziz	Penolong Pegawai Tadbir	N27	Pusat Sukan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)	Pejabat Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)	1 Disember 2014
46	Roszaimah binti Wahid	Setiausaha Pejabat	N27	Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan	Pejabat Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)	20 Oktober 2014
47	Aziana binti M Bahrim	Penolong Pegawai Tadbir	N27	Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi	Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko	16 Oktober 2014
48	Nordiana binti Md. Lamin	Setiausaha Pejabat	N27	Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat, Canselori	Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselori	20 Oktober 2014
49	Azira binti Azis	Setiausaha Pejabat	N27	Pejabat Bendahari	Timbalan Bendahari Kanan, Pejabat Bendahari	5 November 2014
50	Honey Amalina Binti Luqman UI-Hakim Ng	Setiausaha Pejabat	N27	Pusat Komputer	Pusat Pembangunan Komuniti dan I-COE / Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan	10 Disember 2014
51	Nurul Amiranurain binti Omar	Setiausaha Pejabat	N27	Pejabat Timbalan Bendahari	Bendahari, Pejabat Bendahari	5 November 2014
52	Nurfadhlyana binti Rosli	Setiausaha Pejabat	N27	Pejabat Pendaftar	Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan, Pejabat Pendaftar	20 Oktober 2014
53	Nur Aeliza binti Ja'afar	Setiausaha Pejabat	N27	Pejabat Keselamatan, Pejabat Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)	Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan	4 November 2014
54	Ainur Insyirah binti Ramle	Setiausaha Pejabat	N27	Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar	Pejabat Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)	17 November 2014
55	Wan Nur Wahidah binti Mamat	Setiausaha Pejabat	N27	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar	Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	17 Oktober 2014
56	Irna Mariani binti Zulkeflee	Setiausaha Pejabat	N27	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar	Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan	17 November 2014
57	Azean binti Ahmad	Pembantu Tadbir Kanan	N22	Pejabat Khidmat Pengurusan, Canselori	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	10 November 2014
58	Norhanim binti Sulaiman	Pegawai Khidmat Pelanggan	N17	Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat, Canselori	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar	27 Oktober 2014
59	Azimaton binti Ahmad	Pegawai Khidmat Pelanggan	N17	Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat, Canselori	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar	27 Oktober 2014
60	Hanita binti Talib	Pembantu Tadbir	N17	Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi	Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko	16 Oktober 2014

Bil.	Nama	Jawatan	Gred	Penempatan Asal	Penempatan Terkini	Tarikh Kuat Kuasa
61	Al Rohaiya binti Adanan	Pembantu Tadbir	N17	Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat, Canselori	Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko	20 Oktober 2014
62	Nor Azlinawati binti Daud	Pembantu Tadbir	N17	Pejabat Khidmat Pengurusan, Canselori	Pusat Kelestarian Dan Alam Sekitar (PKA), Pejabat Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)	17 November 2014
63	Siti Suhailah binti Zaini	Pembantu Tadbir	N17	Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi	Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko	16 Oktober 2014
64	Azman bin Azahari	Pembantu Tadbir	N17	Pejabat Naib Canselor	Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselori	20 Oktober 2014
65	Ernihazra binti Md Johan	Pembantu Tadbir	N17	Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	Pusat Pengkomersilan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	1 Disember 2014
65	Zalia binti Md Zan	Pegawai Khidmat Pelanggan	N17	Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat, Canselori	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar	27 Oktober 2014
66	Nurashikeen binti Nasrudin	Pegawai Khidmat Pelanggan	N17	Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat, Canselori	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar	27 Oktober 2014
67	Norfiza binti Abu Bakar	Pembantu Tadbir	N17	Pejabat Naib Canselor	Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselori	27 Oktober 2014
68	Bob Faizeli bin Mohamed Din	Pembantu Penerbitan	N17	Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat, Canselori	Penerbit Universiti	27 Oktober 2014
69	Muhammad Akmal bin Mad Yatim	Pembantu Tadbir	N17	Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)	Pusat Pengurusan Alumni & Kebolehpasaran Graduan, Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)	1 Disember 2014
70	Nurizzah Aliah binti Malek Abdullah	Pegawai Khidmat Pelanggan	N17	Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat, Canselori	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar	27 Oktober 2014
71	Yang Sarinah binti Mohd Talib	Pembantu Tadbir	N17	Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat, Canselori	Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselori	20 Oktober 2014
72	Amiza binti Hj. Talib	Pembantu Tadbir	N17	Pejabat Khidmat Pengurusan, Canselori	Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselori	27 Oktober 2014
73	Mohamad Haffize bin Ramli	Pembantu Tadbir	N17	Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat, Canselori	Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselori	27 Oktober 2014
74	Abdul Aziz bin Abu Bakar	Pembantu Operasi	N11	Pejabat Khidmat Pengurusan, Canselori	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	1 Disember 2014
75	Muhamad Jamal bin Ramli	Pembantu Operasi	N11	Pejabat Audit Dalam, Canselori	Pejabat Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)	1 Disember 2014
76	Zaipul Bahari bin Baharudin	Pembantu Operasi	N11	Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi	Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko	16 Oktober 2014
77	Mohammad Taufik bin Osman	Pembantu Operasi	N11	Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat, Canselori	Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselori	27 Oktober 2014
78	Abdul Aziz bin Ayob @ Mohammad	Pembantu Operasi	N11	Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar	1 Disember 2014
79	Azri bin Dorasol	Pembantu Am Pejabat (KUP) Opsyen	N1	Pejabat Khidmat Pengurusan, Canselori	Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselori	1 Disember 2014
80	Marsitah binti Abu Bakar	Pembantu Tadbir Kanan	N22	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar	Pejabat Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)	15 Disember 2014



Jamuan Raya Pejabat Pendaftar 2014



bola sepak



bola tampar wanita



sepak takraw

ping pong



Ucapan 2015

Selamat Tahun Baharu 2015. Semoga di tahun baharu ini harapan dan cita-cita kita bisa terwujud. Jadikan tahun baru ini lebih indah dari tahun-tahun terdahulu.

~ Normalisza binti Mustapa ~



Waktu terus berlalu. Lembaran demi lembaran telah dilalui. Segala kenangan manis dan pahit dijadikan iktibar dan pedoman yang berguna. Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya kita melangkah ke lembaran tahun baharu 2015. Semoga lembaran baharu ini dimulakan dengan penuh semangat dan dedikasi dalam mencapai kejayaan dan kecemerlangan.

~ Norhafizah binti Md Yusoh ~

Hari berganti, bulan berganti, tahun pun berganti. Tahun baharu harapan baharu, semangat baharu. Masa lalu adalah kenangan, hari ini adalah goresan, hari esok adalah harapan.

Selamat Tahun Baharu 2015

~ Norashikin binti Johari ~



SELAMAT DATANG 2015
miladi

Renungkan segala kesalahan yang pernah kita lakukan tahun lalu, jangan diulangi kegagalan dan kesalahan yang lepas menjadi beban di tahun ini, jangan sampai kegagalan dan kesalahan itu terjadi lagi. Bersiap-siap untuk menyusun rencana terbaik untuk tahun yang akan datang, siapkan target, kuatkan tekad dan impian akan terwujud di tahun 2015 Inshaallah. Al-Fatihah 2014 atas Qadarnya.

~ Mohd Yazid bin Zainon Naim & Mohammad Taufik Bin Osman ~

Waktu terus berlalu, lembaran demi lembaran telah dilalui. Coretan demi coretan telah memenuhi, kadang tak bererti, kadang tanpa makna atau hanya sedikit makna. Semoga tahun 2015 ini setiap lembaran memiliki maknanya tersendiri, setiap lembaran lebih bermanfaat dan indah untuk dikenang. Setiap azam perlu cuba dipenuhi, bukan lagi di 'forward' ke tahun hadapan.

Selamat Tahun Baharu, semoga berjaya di dunia & akhirat

~ Nurfadhliyana binti Rosli ~



Kelahiran si comel...



September 22, 2014

MUHAMMAD ESHRAQ IRFAN
BIN MOHD FAIRUZ

Ibu: Norsuria binti Azis

Disember 27, 2014
AUNI ZUHAIKHAH
BINTI MOHD ZARLIZAN

Ayah: Mohd Zarlizan
bin Zakariah

